

17 muka.

~~UCAPAN: ADHO 49~~

~~328 - 96/79~~

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI,

DATO HUSSEIN ONN, DI MAJLIS

MERASMIKAN MASJID KAMPUNG SRI

TELOK, PARIT YAANI, BATU PAHAT,

PADA HARI RABU 5HB. JULAI, 1978,

JAM 11.30 PAGI.

---

Assalamu 'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Bismilla-hirrahma-nirrahim.

1. Yang Berusaha Pegawai Daerah Batu Pahat,  
*Y.B. Dato Yusak, Y.B. Emik Shaiff bin Larim*
2. Dif-dif kehormat. *Chahm B.N. Kawasan Parit Raja*
3. Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

---

Saya bersyukur kehadiran Allah subhanahu wataala, kerana dengan limpah rahmat dan izinNya, dapat saya mengunjungi penduduk-penduduk *Parit Yaani* Kampung Sri Telok, dan seterusnya merasmikan Masjid di kampung ini.

2. Saya mengucapkan terima kasih serta setinggi-tinggi penghargaan, kepada Pegawai Daerah Batu Pahat, dan juga kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Masjid Kampung Sri Telok, kerana memberi penghormatan ini kepada saya. Majlis yang mulia pada pagi ini, melambangkan keutuhan masyarakat Islam di negara kita. Pembukaan resmi masjid ini, membuktikan hasrat Kerajaan Barisan Nasional menyediakan tempat-tempat yang lebih selesa kepada umat Islam, untuk beribadat kepada Allah.

...3/-

3. Di samping melaksanakan rancangan dan projek pembangunan, supaya rakyat dapat hidup dalam keadaan makmur, Kerajaan Barisan Nasional juga menitikberatkan pembangunan rohaniah.

Dengan jalan ini, umat Islam dapat menikmati hidup kebahagiaan/di dunia dan akhirat.

4. Bagi mencapai matalamat ini, Kerajaan Barisan Nasional telah mengeluarkan perbelanjaan yang besar dalam meningkatkan lagi pembangunan jasmani dan projek-projek keugamaan. Banyak Mesjid, Surau dan Madrasah-madrasah, telah didirikan

di merata pelusuk tanah air kita. Di Negeri Johor, selain dari peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Barisan Nasional Persekutuan, Kerajaan Negeri juga mengeluarkan perbelanjaan yang besar, dalam melaksanakan projek-projek agama ini.

5. Kerajaan Barisan Nasional berharap, dengan adanya imbangan dalam pembangunan jasmani dan rohaniah ini, maka umat Islam di negara kita, dapatlah <sup>kewajipan</sup> ~~peranan~~ mereka dengan lebih berkesan lagi.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

6. Hasrat dan azam Kerajaan Barisan Nasional, sama ada di peringkat Negeri, mahupun di peringkat Persekutuan, ialah berusaha bersungguh-sungguh meninggikan lagi syiar Islam di tanah air kita, serta terus memelihara dan menjamin kedudukan Islam, sejajar dengan tarafnya sebagai Ugama Resmi negara kita. Berbagai langkah telah dijalankan, dan usaha-usaha ini, akan terus dipergiatkan bagi memelihara keutuhan dan kesucian ugama Allah ini.

..6/-

*mi akan mempertahankan taraf dan kedudukan agama Islam*

✓ ~~taraf dan kedudukan Islam~~ sebagaimana yang di

maktubkan dalam Perlembagaan Negara. Tidak banyak

negara di dunia ini, yang menetapkan agama Islam

sebagai Agama Resmi dalam Perlembagaannya. Di atas

semangat inilah, Kerajaan Barisan Nasional akan

terus memajukan agama Suci Allah ini, serta meningkat/<sup>kan</sup>

*shu-nya*

syiarnya dengan nilai-nilai yang lebih jelas dan

berkesan lagi.

- × 9. ~~Sebagai seorang Islam yang memegang pucuk~~  
~~pimpinan pentadbiran negara, saya rela mengorbankan~~  
~~jiwa-raga saya berjihad untuk Islam dan mempertahankan-~~  
~~kan kesucian dan kemuliaannya. ✓ Saya tidak akan~~

7. Kegiatan yang dijalankan oleh Pusat Islam, yang di bawah jagaan Jabatan saya sendiri, dan juga oleh Jabatan-Jabatan Ugama di negeri-negeri, serta badan-badan dakwah yang bertanggungjawab, ~~adalah~~ <sup>adalah</sup> kearah memperkembangkan ajaran Islam, ~~sesuai~~ dengan keadaan zaman, dan selaras pula dengan keperluan untuk memajukan rakyat dan negara dalam semua bidang penghidupan di dunia dan akhirat.

8. Kerajaan Barisan Nasional akan terus menunai dan melaksanakan tanggungjawab <sup>yang</sup> berat ini, dengan segala daya-upaya <sup>saya</sup> ~~bagi mempertahankan~~ <sup>pada</sup> setiap masa.

X sama sekali mempergunakan ugama Islam sebagai alat untuk mencapai tujuan politik. Jauh sekali mempergunakannya kerana kepentingan dan muslihat diri sendiri.

X 10. ~~Demi Allah, biarlah saya tidak terpilih dalam Pilihanraya Umum ini, saya tidak hendak dan tidak sanggup memperdayakan Umat Islam bagi mencapai kehormatan di dunia ini. Apalah gunanya kehormatan, kekayaan dan kebahagiaan di dunia jika kita terpaksa menerima balasan 'azab sengsara di akhirat kelak. Insya Allah, jika diberi mandat baru Kerajaan~~

X ~~Barisan Nasional akan melipat-gandakan usaha-usaha mulia dan suci ini. Kami akan terus menyediakan segala kemudahan dan keselesaan hidup umat Islam supaya mereka dapat menunaikan suruhan dan perintah Allah dalam keadaan yang lebih sempurna lagi.~~

Puan<sup>2</sup> dan Puan<sup>2</sup> sekalian.

11. Saya menyeru seluruh umat Islam di tanah air, supaya bersatu-padu di bawah naungan Kerajaan Barisan Nasional. Perpaduan ini amatlah penting, supaya kita dapat memperkukuhkan kedudukan ekonomi kita. Kerajaan Barisan Nasional telahpun melancarkan berbagai projek, dengan tujuan melibatkan umat Islam dalam kegiatan ekonomi yang halal. Mereka

mempunyai peluang yang banyak untuk melaburkan wang mereka dalam saham-saham, serta perniagaan dan perusahaan, yang dikendalikan mengikut lunas-lunas ugama Islam, oleh institusi-institusi yang penuh bertanggungjawab.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

12. Jika kita kaji sejarah perkembangan Islam sejak zaman Rasulullah dan para sahabatnya, kita akan dapati masyarakat Islam pada waktu itu memfungsikan sesebuah masjid dengan cukup luas. Disamping menggunakannya sebagai tempat beribadat kepada Allah Subhanahu-Wataala, masjid juga dijadikan sebagai

tempat pertemuan untuk membincangkan sesuatu perkara, yang boleh membawa kemajuan dan keharmonian kepada masyarakat seluruhnya. Oleh yang demikian, marilah kita bersama-sama berusaha untuk menjadikan masjid ini, sebagai salah satu tempat yang dapat memupuk semangat cintakan agama Islam, dan cintakan tanahair kita Malaysia.

13. Disamping itu, dapat pula kita tingkatkan kerjasama yang erat, <sup>serta</sup> perpaduan dan persefahaman di kalangan rakyat. Dengan mengamalkan segala ajaran Islam dengan penuh yakin dan kepercayaan, maka dapatlah kita mencegah berkembangnya ajaran-ajaran <sup>yang</sup> salah,

dan yang bertentangan dengan Islam. Setiap yang bertentangan dengan Islam mestilah kita bersama-sama berusaha menghindarinya.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

14. Kerajaan <sup>*Barisan Nasional*</sup> yang memerintah sekarang ini merasakan sangat perlu, supaya perpaduan di kalangan rakyat, sentiasa ditingkatkan, terutama di saat<sup>2</sup> akhir-akhir ini. Sebagaimana yang kita sedia maklum, berbagai usaha telah dijalankan oleh anasir-anasir komunis dan anti nasional, untuk menghancurkan perpaduan di kalangan kita. Apabila perpaduan kita

hancur, maka tentulah dengan mudahnya mereka akan dapat mengambil alih kekuasaan negara ini. Dengan <sup>lagi</sup> yang demikian, jika kekuasaan tidak/ada pada kita, tetapi di tangan musuh dan musuh Islam pula, maka kebebasan untuk ~~menjalankan~~<sup>ber</sup> ibadat akan ~~tersekat~~<sup>musnah</sup>.

Inilah satu-satunya, yang hendak kita elakkan berlaku di negara kita.

15. Barang dijauhi Allah, janganlah mala petaka ini menimpa ~~kepada~~<sup>negara</sup> kita. Oleh itu, marilah kita bersatupadu, di bawah anjuran dan pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional, mempertahankan, memerangi <sup>dan</sup> seterusnya menghapuskan ancaman jahat ini. Janganlah

kita benarkan anasir-anasir ini, memecahbelahkan perpaduan Umat Islam, atau melemahkan semangat umat Islam. Sebaliknya, seluruh umat Islam hendaklah memperkukuhkan barisan<sup>dan</sup>/persefahaman, dengan menyokong dan bekerjasama dengan Kerajaan Barisan Nasional. ~~yang ada sekarang ini.~~

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

16. Selain daripada fungsi-fungsi yang telah saya sebutkan tadi, masjid juga dapat memainkan peranannya, untuk menyebarkan ajaran Islam kepada semua peringkat masyarakat, terutama kepada angkatan muda. Sekiranya peranan ini dapat ditunaikan dengan

penuh berkesan, maka dapatlah kita memberi perlindungan kepada jenerasi muda kita, daripada terpengaruh dengan kebudayaan-kebudayaan yang berlawanan dengan Islam. Usaha suci ini, juga akan dapat menjamin jenerasi muda daripada tercebur dalam kegiatan dan perbuatan yang hina, yang boleh merusakkan akhlak. Dengan ini, maka dapatlah juga kita mengawal mereka daripada melibatkan diri dengan dadah, ~~morphin~~ dan sebagainya, yang mana semua <sup>nya</sup> itu dilarang oleh Islam.

17. Masjid hendaklah dijadikan sebagai tempat untuk membimbing masyarakat dari segenap lapisan,

supaya umat Islam dapat berusaha mengatur penghidupan, sesuai dengan apa yang dianjurkan oleh Islam. Masjid juga dapat dijadikan tempat untuk mempersatukan fahaman masyarakat untuk memajukan berbagai bidang, *Lebih-lebih lagi*, untuk membangkitkan kesedaran dalam usaha kita hendak meningkatkan bidang ekonomi, pelajaran dan beberapa bidang pembangunan yang lain, yang boleh menjamin kesetabilan ekonomi dan keselamatan.

18. Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan berbilang terimakasih serta setinggi-tinggi penghargaan, kepada semua pihak yang telah bersama-sama

menjayakan majlis pada pagi ini. Saya mendoakan agar Allah Subhanahu-Wataala memberi taufiq dan hidayah, kepada setiap umat Islam yang menggunakan masjid ini, untuk kemajuan dan kebaikan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

19. Dengan ini, saya dengan nama Allah yang maha <sup>pemurah</sup> ~~penyayang~~, lagi maha <sup>penyangg,</sup> ~~pemurah~~, mengisytiharkan Masjid Kampung Sri Telok ini, dibuka dengan resminya.

Terimakasih.

\*\*\*\*\*

menjelaskan majlis pada pagi ini. Saya mendoakan  
 agar Allah Subhanu-walataala memberi tautid dan  
 hidayah kepada setiap umat Islam yang menggunakan  
 masjid ini untuk kemajuan dan kebajikan.  
Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.



No. Siri	386
No Penerimaan	50/79